

# BENGKEL PENGKATALOGAN: TRADISI YANG PERLU DITERUSKAN



Oleh Nurfaizah Kamarudin dan Norlida Ismailly

Pengkatalogan adalah subjek yang memerlukan kemahiran menggunakan 'standard' yang diperlukan bagi melengkapkan satu deskripsi maklumat sesebuah bahan perpustakaan. Ianya bukan perkara yang mudah untuk dipelajari dalam masa yang singkat. Oleh itu, pada 29 Jun 2024, bersamaan pada hari Sabtu, satu bengkel pengkatalogan telah diadakan bagi memberi ruang dan peluang kepada para pelajar dalam memahami konsep pengkatalogan daripada kalangan fasilitator. Bengkel ini diadakan dalam setengah hari sahaja di Blok G, UITM Sarawak, Kampus Samarahan.

Di awal pagi dalam jam 8.30, seramai 116 orang pelajar menuju ke blok G bagi menghadiri bengkel pengkatalogan, yang lumrahnya setiap semester akan diadakan bengkel ini. Wajib ya, kalau tidak hadir, perlu berikan asbab dan musabab. Bengkel seperti ini menjadi suatu bengkel tradisi bagi Pusat Pengajian Sains Maklumat. Bengkel ini diadakan sejurus para pelajar hadir dengan dimulakan dengan pengkatalogan deskripsi berkenaan buku dan bahan rakaman. Jam 9.45 sehingga 11.00 pagi diteruskan lagi dengan bahan rakaman dan sumber berterusan. Manakala jam 11.00 pagi sehingga 12.30 tengahari, para pelajar meneruskan dengan mempelajari titik akses dan bentuk tajuk.

Para pelajar bukan sahaja mempelajari konsep dan cara mengkatalog bahan perpustakaan, malah mereka telah diberi latihan sendiri untuk sama-sama menyelesaikan permasalahan bahan perpustakaan yang pelbagai bahan dalam aktiviti berkumpulan. Dengan itu, bengkel ini juga melahirkan para pelajar yang bertanggungjawab dan memupuk semangat berpasukan dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Para pelajar begitu teruja dalam memahami dan mengkatalog bahan perpustakaan, dan juga teruja dalam mencari titik akses dan bentuk tajuk bagi setiap bahan yang akan dikatalog.

Bengkel ini berakhir pada jam 12.30 tengahari. Antara maklumbalas daripada kalangan para pelajar, adalah "ilmu pengetahuan tentang pengkatalogan semakin bertambah", "bengkel sangat menarik", "bengkel ini sangat berguna untuk persediaan peperiksaan. Sangat memuaskan". Para pelajar berasa teruja dan gembira dengan pengisian, teori, dan latihan yang diberikan sepanjang bengkel ini dijalankan. Diharap bengkel seperti ini akan terus memberi manfaat kepada yang menghidupkannya. Dan para pelajar juga berasa gembira dengan sajian makanan tengahari yang telah disediakan. Alhamdulillah.